



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1963](#) > [October](#) > [25](#) > [Page 6](#) > [Penduduk rajin di-puji](#)



Penduduk rajin di-puji

Berita Harian, 25 October 1963, Page 6

Share    

 Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

Penduduk rajin di-puji

 **KAJANG, Khamis.—**Pegawai Daerah Kajang Tuan Syed Ismail bin Ahmad telah memuji penduduk2 kampung Ranchangan Luar Bandar Sungai Merab Kajang kerana rajin bekerja bergotong royong untuk memperbaiki lagi kampung itu.

Pujian ini telah di-buat oleh beliau ketika berucap di-hadapan sa-ramai 350 orang penduduk kampung ini pada petang Thalatha yang lalu.

 Tuan Syed Ismail menerangkan bahawa semenjak kampung ini di-buka oleh kerajaan pada tahun 1961 penduduk2 kampung ini telah beberapa kali membuat kerja gotong royong mem-bena tapak masjid dan menegali tali ayer sa-jauh 65 ela

 Kerja gotong royong yang di-buat oleh penduduk2 di-sini boleh-lah diberi pujian dan untuk menjadi chontoh kepada penduduk2 kampung yang lain.

Tuan Syed Ismail juga telah menerangkan sa-buah masjid akan di-bena



di-kampong ini tidak lama lagi.

Dan untok memberi kemudahan kapada penduduk2 kampong ini sa-buah tanah berkuboran sa-luas sa-ekar telah di-adakan.

Kerajaan juga akan menggali tali ayer dan juga membena jalan raya di-kampong ini tidak lama lagi.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31